

TH sedia kumpulan WhatsApp salur maklumat penting

BERITA HARIAN 20/5/2023 M/S: 13

Lembaga Tabung Haji (TH) memperkenalkan satu lagi inisiatif baharu, tahun ini dengan mewujudkan kumpulan WhatsApp yang akan membabitkan semua jemaah haji mengikut kumpulan penerbangan (KT) masing-masing, bagi menyalurkan maklumat penting secara tepat dan pantas kepada mereka di Tanah Suci nanti.

Pengarah Operasi Madinah bagi Musim Haji 1444H/2023M, Ashrof Shamsuddin, berkata TH akan menyediakan kod QR mengikut KT di stesen berlepas tanah air dan jemaah terbabit dikehendaki mengimbasnya untuk memasuki kumpulan WhatsApp berkenaan secara automatik.

Beliau berkata, semua jemaah haji dimestikan memasuki kumpulan WhatsApp mengikut kumpulan penerbangan bagi membolehkan mereka mengetahui pelbagai maklumat terkini pada setiap peringkat sepanjang tempoh berada di Tanah Suci kelak.

"Inisiatif mewujudkan kumpulan WhatsApp ini dilaksanakan kerana dalam dunia digital

dan data sekarang, maklumat adalah sangat penting.

"Maklumat kepada semua jemaah haji perlu disalurkan secara cepat dan tepat. Banyak maklumat akan disalurkan TH dari semasa ke semasa di Tanah Suci nanti.

"Sebagai contoh apabila jemaah haji tiba di Tanah Suci, mereka akan ditempatkan di bangunan penginapan atau hotel yang telah ditentukan.

"Di Madinah, aktiviti dan pergerakan jemaah akan dijadualkan mengikut KT masing-masing, iaitu berbeza dengan kumpulan lain.

"Justeru dengan adanya kumpulan WhatsApp ini, maklumat tepat dapat dikeluarkan kepada kumpulan sasaran atau jemaah haji dalam KT yang berkenaan.

"Ia lebih bermanfaat dan mereka juga tidak akan keliru jika mendengar maklumat berbeza daripada KT lain.

"Jemaah haji hanya merujuk maklumat dalam kumpulan WhatsApp masing-masing.

"Ini akan lebih memudahkan maklumat disampaikan kepada semua jemaah haji berbanding



Ashrof menunjukkan kumpulan WhatsApp untuk jemaah haji.

menampal notis kerana berkemungkinan tidak semua jemaah akan melajui kawasan notis berkenaan," katanya pada sidang media di ibu pejabat TH di Madinah, Roha Al Madinah.

Malah, Ashrof berkata, ia

membolehkan jemaah haji untuk saling mengingatkan atau memberitahu rakan sebilik mengenai maklumat dalam kumpulan WhatsApp mereka, terutama bagi membantu golongan berusia yang berkemungkinan

tidak biasa dengan platform berkenaan.

Pentadbir bertukar

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan apabila jemaah haji tiba di Madinah, pengurusan TH di sini akan menjadi pentadbir (admin) kumpulan WhatsApp itu, sebelum ia digantikan pihak di Makkah pula bagi kumpulan WhatsApp sama apabila Dhuyufurrahman terbabit bergerak ke sana.

"Hanya pentadbir kumpulan akan bertukar, manakala jemaah haji sama akan kekal berada dalam sesebuah kumpulan WhatsApp itu.

"Sebanyak 45 penerbangan dijadualkan membawa jemaah haji Malaysia memasuki Madinah pada fasa pertama, jadi Insya-Alah akan ada 45 kumpulan WhatsApp ketika itu nanti," katanya.

Beliau bagaimanapun menjelaskan bahawa kumpulan WhatsApp itu hanya untuk pentadbir daripada pihak TH menyalurkan maklumat, dan ia tidak membabitkan 'chat' soal dan jawab dengan jemaah haji.